

KWAP terus mencari aset selepas Uber

UM 27/9

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) akan terus menilai potensi pelaburan di dalam segmen-segmen baharu bagi mempelbagaikan pulangan dananya seperti pelaburan AS\$30 juta (RM123 juta) yang dibuat di dalam penyedia perkhidmatan teksi melalui aplikasi, Uber Technologies Inc. (Uber).

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad berkata, antara kriteria utama pelaburan KWAP ialah syarikat berpotensi mahu disenaraikan di bursa saham, mempunyai aliran tunai yang positif, telah matang dan mempunyai strategi pelupusan aset yang jelas.

Katanya, KWAP sebelum ini telah meninjau potensi pelaburan di dalam syarikat perkhidma-

tan sewaan bilik, Airbnb namun, membatalkan hasrat tersebut kerana tidak dapat memenuhi keperluan kewangan yang dikehendaki oleh syarikat berpusat di California, Amerika Syarikat itu.

"Kita terus menilai peluang yang ada. KWAP mengutamakan syarikat yang telah matang kerana kita bukan penyedia modal teroka yang menumpukan syarikat-syarikat baharu berkembang. Ia selari dengan tumpuan risiko kami sebagai dana pencen kerajaan," katanya kepada pemberita selepas majlis pembukaan Forum

Khazanah Megatrends 2016 di sini hari ini.

Jelas Wan Kamaruzaman, sebagai sebuah badan pelabur institusi, KWAP bersikap tegas terhadap pelaburan yang ingin dilakukan termasuk tidak akan menyembunyikan pandangan terhadap prestasi sesebuah syarikat yang telah dilaburkan.



WAN KAMARUZAMAN

"Ia berkaitan budaya. Mungkin budaya di Malaysia lebih sopan apabila berhadapan isu ini dengan syarikat tidak menunjukkan prestasi yang baik. Namun sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana pencen kita

bersikap terus-terang jika mendapati sesuatu perkara itu tidak menguntungkan," katanya.

KWAP adalah dana pencen kedua terbesar Malaysia selepas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan aset sebanyak RM123 bilion. Dilaporkan terdapat kira-kira 660,000 penerima pencen kerajaan yang mendapat manfaat hasil aktiviti KWAP dengan anggaran pembayaran pencen dilakukan setiap tahun berjumlah RM15 bilion.

KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007 yang berperanan bagi meraih pulangan pelaburan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencen. Antara pelaburan yang dibuat oleh KWAP sebelum ini adalah dalam sektor hartanah dengan mempunyai aset-aset di United King-

dom serta kepentingan saham di dalam beberapa syarikat utama di Bursa Malaysia.

Pelaburan di dalam Uber merupakan pelaburan langsung pertama yang dilakukan oleh badan itu di dalam syarikat asing.

Uber dilaporkan mencatatkan kerugian sebanyak AS\$1.27 bilion (RM5.08 bilion) bagi separuh pertama tahun ini dan pemberian subsidi kepada pemandu-pemandu perkhidmatan teksinya dikatakan menjadi faktor utama kerugian syarikat itu.

Nilai Uber kini dianggarkan sebanyak AS\$68 bilion (RM279 bilion) dan beroperasi di lebih 400 buah bandar di seluruh dunia dengan enam daripadanya di Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh, Kota Kinabalu dan Kuching.